



# UMP jalin kerjasama dengan IBM Malaysia

Universiti Malaysia Pahang (UMP) hari ini sekali lagi memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan IBM Malaysia apabila kedua-dua pihak bersetuju untuk bekerjasama dalam usaha untuk membantu mengkomersialkan produk-produk ICT yang dibangunkan oleh UMP untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

Objektif utama kerjasama MoU ini adalah salah satu inspirasi kepada universiti dalam usaha kerjasama untuk membangunkan produk, bertukar pendapat dan secara tidak langsung dapat memberi sumbangan dalam meningkatkan ekonomi negara.

Selain itu, pembangunan pelan perniagaan ini ialah untuk meningkatkan kemahiran dalam Pengurusan Perniagaan yang membolehkan staf mampu dan berkebolehan dalam membangunkan pelan perniagaan bagi tujuan meningkatkan jualan rakan niaga. Kemahiran pemasaran juga amat diperlukan bagi bersama-sama dengan rakan niaga dalam membangunkan dan mewujudkan strategi pemasaran yang sesuai untuk universiti.

Dalam MoU ini juga, hasil sumbangan inisiatif daripada pihak *Corporate Service Corps* dihargai dengan majlis penutup Program *Corporate Service Corps* (CSC)

anjuran IBM Malaysia dan Australian Business Volunteer di mana objektif utama diadakan program ini adalah untuk memberi manfaat kepada syarikat, pekerja dan juga masyarakat. Ini juga merupakan salah satu cara IBM-CSC berkomunikasi terhadap komuniti dalam membangunkan bakat mereka dan menyumbang kembali kepada masyarakat dengan harapan agar ianya menjadi faktor utama dalam pembangunan akan datang.

Program CSC ini telah bertapak selama 52 tahun tahun di Malaysia. Melalui program IBM-CSC ini, lebih daripada 2000 peserta daripada 50 negara telah menyertai program di 30 negara yang terpilih. Program di Kuantan merupakan pasukan yang ke-8 bertapak di Malaysia semenjak tahun 2009. Kuantan dipilih kerana ianya merupakan sebuah daerah yang mempunyai potensi dalam pembangunan untuk menjana pendapatan dan juga mempunyai kepesatan teknologi pada masa akan datang.

Dalam MoU ini, UMP diwakili Naib Canselor, Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim dan Pengarah Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK), Profesor Madya Dr. Wan Maseri Wan Mohd manakala IBM Malaysia Sdn. Bhd. diwakili oleh Ketua

Pegawai Kewangannya, Norliza Abu Bakar dan Pengurus Cawangan Pantai Timur, Phuah Kean Beng.

Menurut Dr. Daing Nasir, hubungan kerjasama yang telah terjalin di antara pihak UMP dan IBM ini telah membawa kepada terbentuknya pelan perniagaan lima tahun dan hasil daripada *engagement* selama sebulan bersama staf IBM.

"UMP telah membangunkan KIEMS iaitu satu perisian teknologi maklumat berasaskan pendidikan. UMP amat berbesar hati dalam komitmen yang diberikan oleh pihak IBM dalam membantu mempromosikan UMP kepada pelanggan dan pasaran khususnya dalam bidang teknologi maklumat," kata beliau ketika berucap di Majlis Menandatangani MoU yang diadakan di UMP, Kampus Gambang pada 13 Mac 2013 yang lalu.

Beliau menambah, kerjasama yang pertama dengan IBM ini adalah melalui MoU dalam penajajaran platform *Oracle Database* ke platform IBM DB2 bagi mengkomersialkan versi KIEMS supaya dapat berdaya saing dalam pasaran luar.

Turut hadir menyaksikan MoU tersebut ialah di-Pertua Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), Dato' Haji Zulkifli Haji Yacob.